



# KEDUDUKAN PENGGUNAAN HADIS AHAD MENGIKUT PERSPEKTIF AL-BUKHARI AND AL-SYAFIE

(An Examination of the Position on the Use of *Hadith al-Ahad* in the Perspectives of al-Bukhari and al-Shafi'i)

**Mohamad Qamarulzaman Bin Mohamad Zani<sup>1</sup>, Amran Abdul Halim<sup>2</sup>, Azman Abdul Rahman<sup>3</sup>**

<sup>1,2</sup>Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

<sup>3</sup>Faculty of Shariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

## Article Progress

Received: 16 August 2024

Revised: 24 September 2024

Accepted: 1 November 2024

\*Corresponding Author:

Amran Abdul Halim.

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Email:

[amranabdulhalim@usim.edu.my](mailto:amranabdulhalim@usim.edu.my)

## Abstract

The issue of using *hadith al-ahad* as a legal basis in Islamic jurisprudence has generated diverse opinions among scholars. In Islamic legal studies, *hadith al-ahad* is understood as a source of evidence that is of a speculative (*zhanni*) nature, rather than definitive (*qat'ie*), which leads to differences of opinion regarding its legal authority, particularly in discussions related to *fiqh* and *aqidah*. While *fiqh* discussions are often exposed to issues of divergence, differing viewpoints in jurisprudence sometimes provide flexibility for the Muslim community. This study focuses on the differing perspectives on the use of *hadith al-ahad* by al-Bukhari and al-Shafi'i, exploring their positions within the contexts of *fiqh* and *aqidah* debates. The research employs a qualitative methodology, reviewing relevant books and research articles, using an analytical approach to filter, examine, and explain the findings. The study concludes that there is a difference in opinion between al-Bukhari and al-Shafi'i; al-Bukhari recognizes the use of *hadith al-ahad* comprehensively in both *aqidah* and *fiqh* issues, whereas al-Shafi'i limits its use to *fiqh* discussions, although a minority opinion suggests that he also acknowledges *hadith al-ahad* as a valid source in matters of *aqidah*.

**Keywords:** *Hadith al-Ahad, legality, al-Syafi'e, al-Bukhari.*

## PENDAHULUAN

Hadir ahad merujuk kepada hadis yang hanya diriwayatkan melalui satu jalur perawi pada setiap *tabaqatnya*. Dalam konteks pengembangan hukum Islam (*fiqh*) atau *ijtihad*, hadis ahad memainkan peranan penting sebagai salah satu sumber utama bagi para ulama dalam usaha mendapatkan petunjuk mengenai hukum-hukum Islam yang belum ditetapkan secara tegas dan jelas dalam sumber-sumber utama Islam seperti Al-Quran dan hadis mutawatir. Para muhaddith, atau ahli hadis, telah membezakan pembahagian hadis melalui pelbagai kaedah, termasuk berdasarkan bilangan turuq atau sanad.<sup>1</sup> Hasil daripada pembahagian ini, dapat disimpulkan bahawa hadis mempunyai dua karakter utama, iaitu hadis mutawatir dan hadis ahad.<sup>2</sup> Hadis Mutawatir merujuk kepada hadis yang mempunyai jumlah perawi yang ramai pada setiap *tabaqat* atau peringkat sanadnya, sehingga mustahil terdapat pengkhianatan dan pendustaan dalam penyebaran hadis tersebut. Hadis ini biasanya diriwayatkan dan disandarkan pada

<sup>1</sup> Mohd Faizul Azmi, Muhammad Rashidi Wahab (2012). "Kedudukan Hadis Ahad Dalam Akidah", Jurnal Ilmiah Berimpak, tahun kedua,4, Disember , 3.

<sup>2</sup> Budi Suhartawan, Muizzatul Hasanah (2022). "Memahami Hadis Mutawatir dan Hadis Ahad", DIRAYAH : Jurnal Ilmu Hadis, Vol. 3 , No. 01, Oktober, 4.

pancaindera manusia, lalu dianggap sebagai sumber yang sangat kuat dan meyakinkan dalam agama Islam.<sup>3 4</sup>

Sebaliknya, Hadis Ahad adalah hadis yang tidak memenuhi syarat hadis mutawatir, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya.<sup>5</sup> Hadis ahad hanya diriwayatkan melalui satu jalur perawi pada setiap *tabaqat* atau peringkat sanadnya. Oleh kerana hadis ini tidak memenuhi syarat hadis mutawatir, kebolehsandaranya sebagai dalil hukum lebih rendah dan memerlukan penelitian dan penilaian yang lebih ketat sebelum dapat diterima sebagai sumber hukum dalam Islam. Berdasarkan penjelasan yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa hadis ahad merupakan hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi saja, tidak mencapai derajat hadis mutawatir.

Secara etimologi, kata "ahad" bermakna "satu", menunjukkan hadis ahad adalah hadis yang diriwayatkan oleh satu orang perawi.<sup>6</sup> Dari segi terminologinya pula, hadis ahad didefinisikan sebagai hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk menjadi hadis mutawatir, walaupun jumlah perawinya banyak. Hadis ahad lebih banyak jumlahnya jika dibandingkan dengan hadis mutawatir. Abdul Malek Kumillai Sahib turut menjelaskan bahawa hadis ahad atau khabar ahad adalah suatu berita atau riwayat yang tidak mencukupi syarat untuk menjadikannya sebagai berita yang mutawatir. Oleh itu, status hukum hadis ahad dapat difahami secara dasarnya jelas berbeza dengan hadis yang mutawatir terutama pada bahagian rantaian sanadnya.<sup>7</sup> Penggunaan istilah mutawatir dan ahad sebenarnya bukanlah dari golongan muhaddith seperti yang dinukilkan oleh Abdul Al-Muhdi dan disokong oleh Ibnu Salah yang berpendapat istilah mutawatir bukanlah asalnya dari golongan muhaddith.<sup>8</sup> Mereka berpendapat istilah ini muncul dari ahli usul dan ahli kalam.<sup>9</sup> Penggunaan istilah-istilah ini biarpun bukan asalnya dari muhaddith namun ianya tidaklah mempengaruhi status hadis kerana dijelaskan penggunaan status ini lebih merujuk kepada rantaian perawi bukanlah kesahihan hadis tersebut.

## REALITI HADIS DALAM PROSES IJTIHAD

Al-Qur'an dan hadis nabawi merupakan dua sumber utama dan kuat dalam ajaran Islam. Bagi umat Islam, termasuk para mujtahid, adalah mustahil untuk mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan syariat tanpa merujuk kepada kedua sumber tersebut. Al-Qur'an sebagai wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T. dan hadis yang merupakan sabda atau percakapan, perbuatan, serta ketetapan Nabi Muhammad S.A.W. menjadi panduan dan rujukan utama bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan. Kedua-dua sumber ini menjadi sandaran penting bagi pembinaan akidah, hukum, serta amalan moral dan etika umat Islam.

Secara asasnya, umat Islam menerima hadis yang berkaitan dengan akidah, hukum, serta etika manusia sebagai sumber sandaran ajaran Islam selain al-Qur'an.<sup>10</sup> Boleh difahami yang hadis sebagai pelengkap dan penjelas terhadap apa yang terkandung di dalam al-Qur'an yang kebiasaanya banyak

<sup>3</sup> Khatib Al Baghdadi, Abi Bakar Ahmad Bin Ali (2006). "Kitab al-Kifayah fil-Ilm al-Riwayah", tahqiq : Zakaria Amyarat, Beirut : Dar Al-Kitab al-'Ilmiyyah, 20.

<sup>4</sup> Wahbah Al-Zuhaili (1986). "Usul al-Fiqh al-Islami", Damsyik : Dar al-Fikr, Jilid 1, 451.

<sup>5</sup> Khatib Al Baghdadi, Abi Bakar Ahmad Bin Ali (2006). *Op Cit*, 16-17.

<sup>6</sup> Wahab, Muhammad Rashidi, & Azmi, Mohd Faizul (2012). "Kedudukan Hadis Ahad Dalam Aqidah". *Jurnal Ilmiah Berimpak. Tahun Kedua*, 4, Bahagian 95–108.

<sup>7</sup> Abdul Malek Kumillai Sahib (1998). "Madkhal Ila Ulum al-Hadis", Markazud Dawah Al-Islamia, 51.

<sup>8</sup> Abu Umar 'Usman Ibnu Abdurrahman Ibnu Salah (2003). "Muqaddimah Ibnu Salah fi Ulumil Hadith", Beirut : Dar Kutub Al-'Ilmiyyah, 16.

<sup>9</sup> Abd Al-Muhdi Abdul Al-Qadir (1973). "Daf'u Syubhat 'an Al-Hadith Al-Nabawi", Madinah : al-Maktabah al-'Ilmiyyah, 93-96.

<sup>10</sup> Amalia Rabiatul Adwiah (2022). "Hadith Ahad and Its Argumentation In The Problem Of Faith In The Perspective Of Muhammad Al-Ghazali", *Jurnal Living Hadis, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta*, Vol. VII, No. 2, Bhgian 253-267, 254.

membincangkan hal-hal yang umum. Justeru, hadis lebih banyak berfungsi sebagai pemberi keterangan yang lebih terperinci mengenai sesuatu perkara yang disebut secara umum dalam al-Qur'an umpama menaqyidkan perkara yang mutlaq, mentakhsiskan, dan dalam aplikasi nasikh wal-mansukh. Namun, dinamika atau evolusi perkembangan ilmu mengenai hadis seringkali disertai dengan wujudnya keraguan mahupun penolakan daripada sebahagian umat muslim dan para ulama terhadap beberapa hadis sebagai sumber ajaran Islam setelah al-Qur'an. Perdebatan dan perbincangan mengenai kredibiliti, validiti, serta pemahaman terhadap hadis telah banyak mewarnai perkembangan pemikiran Islam dari zaman fuqaha terdahulu sehingga pada zaman kini. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun hadis diterima secara umum oleh umat islam, namun terdapat juga isu-isu yang menjadi perdebatan berkaitan dengannya yang bersangkutan pada kebolehupayaannya menjadi dalil sandaran kepada sesuatu amalan dalam islam. Sebagai contoh, hadis yang bertaraf dhaif sudah tidak dapat lagi dijadikan hujah ataupun sandaran hukum meskipun masih boleh digunakan sebagai sandaran untuk *fadhail amal*.

Penelitian terhadap hadis ahad lazimnya dianalisis melalui dua aspek utama. Pertama, pengkajian berfokus pada rantaian perawi yang menyampaikan hadis tersebut hingga sampai kepada para pengumpul hadis. Aspek ini lebih menekankan pada susur jalur periwayatan hadis, yang dalam bidang ilmu hadis dikenali sebagai dirayah.<sup>11</sup> Aspek ini penting untuk menilai ketersambungan sanad dan kredibiliti para perawi yang terlibat dalam meriwayatkan hadis. Kedua, penelitian hadis ahad juga turut mencakupi status hadis itu sendiri, iaitu sama ada ia diklasifikasikan sebagai sahih, dhaif, atau maudhu'. Perkara ini amat penting untuk menentukan sama ada hadis tersebut boleh diterima atau ditolak sebagai sandaran dalam penetapan hukum. Penentuan status hadis ini melibatkan analisis mendalam terhadap matan hadis dari segi kandungan, kesesuaian, dan pertentangan dengan sumber-sumber lain yang boleh utama seperti Quran dan hadis mutawatir. Dalam amalan ijтиhad, kebolehpercayaan dalil merupakan faktor yang signifikan dalam usaha membuat kesimpulan ijтиhad. Justeru, penentuan status hadis ahad yang tepat menjadi asas penting bagi mengukuhkan hujah-hujah ijтиhad.

## **KEPELBAGAIAN PANDANGAN ULAMA PADA KEDUDUKAN HADIS AHAD**

Dalam proses ijтиhad untuk menyimpulkan sesuatu hukum fiqh, terdapat golongan ulama yang mengiktiraf hadis ahad sebagai sumber dalil hukum dan ada juga dikalangan ulama yang menolak penggunaanya. Walaupun hadis ahad hanya berstatus *zhanni* (prasangka kuat) dan bukan *qat'ie* (pasti) seperti hadis mutawatir, namun aspek keautentikan hadis ahad tersebut sangat penting dianalisis dan diperhalusi intipatinya. Mengikut pandangan Muhammad Al-Ghazali, perbezaan utama yang menyebabkan isu khilaf ini muncul terhadap hadis ahad adalah kerana hadis mutawatir menjamin kualiti dan amalanya secara menyeluruh sedangkan hadis ahad tidak.<sup>12</sup> Secara ringkasnya, hadis mutawatir memberikan keyakinan yang tinggi kerana keaslian justeru mengikis kemungkinan untuk pemalsuan hadis berlaku, sehingga dapat diterima dan diamalkan tanpa keraguan. Sebaliknya, hadis ahad, walaupun statusnya masih lagi dianggap hadis, masih memerlukan penilaian yang lebih mendalam dan kritikal kerana statusnya yang lebih rendah dari segi keyakinanya. Ini menjadikan hadis mutawatir lebih diutamakan dalam memastikan kualiti dan penerimaan secara menyeluruh khususnya dalam usaha untuk membentuk syariat Islam. Hal ini kerana umum mengetahui hadis yang sahih dengan rantai perawi yang kuat dan berkualiti menjadi landasan yang diperlukan untuk menetapkan hukum baharu atau menyelesaikan permasalahan fiqh dengan cara yang benar dan sabit secara yakin pada Allah dan Rasulnya.

Walau bagaimanapun, dalam menghadapi cabaran permasalahan fiqh semasa, kadangkala wujud kesukaran dalam menentukan hukum baharu yang sesuai kerana proses ini memerlukan kepada

---

<sup>11</sup> Amir Udin, Muhammad Fitriyadi, Yuliharti (2023). "Tinjauan Historis Hadis dan Kodifikasinya", *DIRAYAH: Jurnal Ilmu Hadis*, Vol. 3, No. 2, 163.

<sup>12</sup> Amalia Rabiatul Adwiyah (2022). *Op Cit*, 255.

penyusuaian dalil dengan masalah fiqh yang dihadapi majoriti masyarakat pada hari ini.<sup>13</sup> Dalam situasi sebegini, penyelesaian yang tepat amat penting bagi mengelakkan ketidakpastian dan kekeliruan perundangan dalam masyarakat. Dalam keadaan ini, hadis ahad boleh dijadikan sumber ijtihad untuk mencapai penyelesaian yang lebih kuat dan relevan terhadap isu-isu semasa. Hal ini bertepatan dengan pandangan sebahagian ulama bahawa hadis ahad, walaupun tidak memenuhi syarat hadis mutawatir, boleh diamalkan dalam pelbagai bidang. Namun, sebahagian ulama lain mempunyai pendapat yang berbeza. Namun begitu, di kalangan lama ada juga yang berpendapat bahawa hadis ahad hanya wajar diamalkan dalam aspek amaliah (*furu'*) seperti ibadah, kaffarat dan hudud, hanya sahaja tidak boleh menentukan perkara-perkara berkaitan akidah.<sup>14</sup> Dalam erti kata lain, terdapat dua perspektif berbeza dalam kalangan ulama berkenaan isu ini. Satu kumpulan berpandangan hadis ahad dapat diaplikasikan secara menyeluruh, manakala satu lagi kumpulan berpendapat hadis ahad hanya sesuai digunakan dalam aspek ibadat dan amal, tanpa melibatkan bahagian akidah.

Adalah penting untuk diketahui bahawa pengiktirafan terhadap tahap kehujahan hadis ahad dalam perbahasan ijtihad hukum oleh ulama hadis dan ulama fiqh adalah berbeza. Terdapat pelbagai pendekatan mereka dalam menggunakan hadis ahad sebagai hujah, selaras dengan perbezaan pandangan, pemahaman dan variasi pendekatan dalam mempertimbangkan hadis ahad sebagai sumber perundangan hukum dalam Islam. Meskipun begitu, bukanlah bermaksud kefahaman tentang penerimaan hadis ahad ini sudah pun menjadi titik perselisihan diantara ulama sejak dari awal. Pada awal zaman sahabat, tidak timbul isu berkaitan penerimaan hadis yang berstatus ahad dalam rantai periyatannya. Isu tersebut muncul secara meluas pada zaman selepas sahabat, iaitu zaman tabi'in. Fenomena ini berlaku kerana pada masa itu, jarak zaman antara sahabat dengan Nabi Muhammad masih dikategorikan sebagai dekat, dan sahabat-sahabat Nabi dikenali sebagai individu yang adil dan terpercaya.<sup>15</sup> Mereka memiliki kredibiliti tinggi dalam menerima dan menyampaikan hadis-hadis tersebut. Namun, semakin berjauhan jarak zaman dengan Nabi Muhammad, hadis-hadis tersebut semakin terancam oleh campur tangan pihak-pihak yang memalsukan hadis. Keadaan ini mencetuskan konflik dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam dalam mengamalkan hadis-hadis peninggalan Rasulullah. Pemahaman dan penelitian terhadap hadis ahad adalah penting bagi mengelakkan penyalahgunaan dan penafsiran yang salah. Ini memerlukan penguasaan ilmu dalam memahami hadis-hadis nabawi, khususnya hadis ahad. Dalam konteks ini, terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh ulama dalam memahami hadis, sebagaimana yang terdapat dalam nukilan kitab-kitab terdahulu. Salah satu kaedah moden dalam menyaring hadis ahad adalah memastikan bahawa hadis tidak bercanggah dengan petunjuk Al-Quran. Selain itu, hadis juga perlu dipastikan tidak boleh bertentangan dengan kebenaran rasional, realiti, fakta sejarah, atau sunnatullah yang berlaku dalam kehidupan manusia.<sup>16</sup> Dengan menerapkan kaedah-kaedah ini, ulama dapat mengukur tahap kebolehpercayaan suatu hadis dan memastikan pemahaman yang tepat.

Selain daripada kajian hadis ahad yang dilihat pada tahap kekuatan jumlah perawi sanad (mutawatir atau ahad), hadis ahad juga berbeza pada sudut tahap keyakinanya (*qatie*) samada dari sudut *tsubutiyyah* atau *dilalah*. Secara asasnya difahami bahawa hadis ahad itu bertaraf *zhamni tsubut* dan bukanlah *qatie tsubut*.<sup>17</sup> *Tsubutiyyah* adalah penyaringan keaslian pada bahagian khabar atau hadis yang diyakini sampai kepada Rasulullah SAW. Bermakna jika lau tingkat *tsubutiyyahnya* kurang maka secara tidak langsung ada kemungkinan bahawa khabar tersebut bukanlah berasal dari Rasulullah SAW.

<sup>13</sup> Kasdi Abdurrohman (2019). "Reconstruction of Fiqh Nusantara: Developing the Ijtihad Methodology in Formulating Fiqh from Indonesian Perspective.", *QIJIS: Qudus International Journal of Islamic Studies*, 7 (2), 239-266.

<sup>14</sup> Amalia Rabiatul Adwiah, (2022). *Op Cit*, 259.

<sup>15</sup> M. Nurul Irfan (2006). "Status Dan Kredibilitas Sahabat Nabi Dalam Periwayatan Hadis", *Al-QALAM* : Vol. 3 No. 3, 39.

<sup>16</sup> Syuhudi Ismail (1996). "Hadis Nabi Yang Tekstual dan Kontekstual", Jakarta : Bulan Bintan, 79.

<sup>17</sup> Tajun Nasher (2018). "Kehujahan Hadits Ahad Dalam Hukum Fiqih dan Aqidah", Rumah Fiqih Publishing, Cet. 1, 7.

Terdapat kepelbagaiannya perspektif lain oleh ulama' pada penggunaan hadis ahad, antaranya kelompok *khawarij*, *muktazilah* dan *zahiriyyah* dan ahli kalam adalah antara kelompok ulama' yang secara terangan menolak penggunaan hadis ahad sebagai sandaran hukum fiqh.<sup>18</sup> Hal ini kerana mereka berpandangan dalam menentukan hal ehwal agama secara asasnya perlulah disandarkan pada sesuatu yang yakin. Ilmu dikenal bersifat yakin bukanlah bertaraf zhanni atau wahm, bagi mereka sesuatu perlakuan perlulah dipastikan disandarkan kepada ilmu yang jelas seperti mana yang termaktub dalam Al-Quran bukanlah sebaliknya.<sup>19</sup> Manakala hadis ahad pula bukanlah sesuatu yang *qatie* dari sudut *tsabutiyahnya* justeru menimbulkan keraguan sekaligus kekurangan inilah menjadi titik perbezaan utama dan menjadi penyebab ketidaksetujuan kelompok *muktazilah* dan *khawarij* dalam isu hadis ahad ini. Antara contoh yang diutarakan oleh kelompok ini adalah para sahabat nabi tidak mengiktiraf penggunaan hadis ahad sepertimana yang terdapat pada kisah Abu Bakr As-Siddiq apabila beliau ditanyakan berkenaan dengan permasalahan pembahagian harta pusaka untuk nenek. Abu Bakr tidak terus menerima khabar wahid yang disampaikan oleh Mughirah Bin Syu'bah melainkan selepas pemberitahuan Muhammad Bin Maslamah.<sup>20</sup> Begitu juga halnya pada Umar Khattab dimana beliau tidak menerima hadis tentang keizinan dari Abu Musa sebelum mendapat kepastian dari sahabat yang lain bernama Abu Said Al-Khudri. Pendapat kedua pada isu penggunaan hadis ahad ini dipelopori oleh Ibnu Hazm, Dawud Az-Zahiri dan Abu Al-Khattab dimana mereka menerima dan mengiktiraf hadis ahad sebagai sandaran hukum selagimana hadis tersebut dipercayai dan mempunyai tingkat kesahihan yang tinggi. Hal ini kerana umum mengetahui ada juga hadis ahad yang dihukumkan sahih menurut sebahagian muhaddis. Justeru, mereka berpendapat hadis ahad ini ada yang mencapai tahap yakin sehingga boleh dipanggil ilmu dan boleh disandarkan untuk hukum syariat.

Pendapat yang ketiga berkenaan hadis ahad ini pula dipegang oleh majoriti pengikut mujtahid yang muktabar seperti Imam Malik, Imam Syafi'e dan Imam Ahmad Hanbal. Kelompok ini menganggap hadis ahad tidak mempunyai tahap *qatie*. Namun ianya masih boleh dipakai untuk digunakan dalam menentukan sesuatu hukum amalan meskipun tidak sampai tahap keyakinan yang tinggi seperti hadis mutawatir. Hanya sahaja kelompok ini berpendapat kebanyakannya hadis ahad dapat dipakai pada penentuan hukum fiqh sahaja bukanlah perkara yang bersangkutan hal ehwal akidah.<sup>21</sup> Walaupun mereka menerima hadis ahad sebagai sandaran hukum yang sah, perlu difahami bahawa setiap pada mereka mempunyai syarat yang khusus. Ini menunjukkan ketelitian para mujtahid dalam menyimpulkan sesuatu ijtihad dalam memastikan ianya benar dan mengikuti apa yang telah disyariatkan oleh Allah SWT dan Raslullah SAW. Seperti halnya Imam Malik yang mengiktiraf penggunaan hadis ahad dalam proses ijtihadnya jika intipati hadis tersebut menunjukkan tiada pertentangan dengan *ijma'* dan amalan ahli madinah.<sup>22</sup> Hal ini maklum kerana amalan ahli madinah merupakan salah satu sandaran hukum yang sah dan diterapkan dalam kebanyakan fiqh beliau dan pengikutnya.<sup>23</sup>

## **PERBEZAAN PANDANGAN IMAM BUKHARI DAN IMAM SYAFIE TERHADAP PENGGUNAAN HADIS AHAD**

Imam Bukhari merupakan seorang tokoh ilmuan yang terkenal dalam dunia Islam, terutamanya sebagai seorang ahli hadis yang mahsyur. Selain daripada kemahiran beliau dalam bidang hadis, beliau juga memiliki pengetahuan yang mendalam dalam bidang fiqh. Meskipun tidak begitu dikenali sebagai seorang fuqaha, kemahiran beliau dalam fiqh tetap diiktiraf dan beliau dianggap sebagai seorang

<sup>18</sup> Abdul Karim Ali (1997). "A Controversy About The Authority Of Khabar Al-Wahid With Special Reference To Al-Shafi'i Views", *Jurnal Usuluddin*, 77.

<sup>19</sup> Muhammad Al-Khudari Bik (2003). "Tarikh Al-Tashri' al-Islami", Dar Al Fikr, 93-94.

<sup>20</sup> Tajun Nasher (2018). *Op Cit.* 13.

<sup>21</sup> Badran Abu al-'Aynayn Badran (1967). "Usul Al-Fiqh Al-Islami", Dar Al-Maarif, 91.

<sup>22</sup> Umar Faruq Abd Allah (1985). "Malik's Concept of 'Amal in the Light of Maliki Legal Theory", PhD Thesis, University Microfilms, 348.

<sup>23</sup> Nasruddin Yusuf, Faradila Hassan (2020). "Considering The Power Of Ahl Madinah Malik Bin Anas Ijma' as an Islamic Legal Source", *Kawanua International Journal of Multicultural Studies*, Vol. 1, No.1 , 31.

mujtahid.<sup>24</sup> Imam Bukhari dianggap sebagai seorang mujtahid yang mempunyai kemampuan untuk menganalisis dan merumuskan kaedah fiqh beliau sendiri. Dalam dunia fiqh, ulama yang mencapai tahap ini biasanya digelar sebagai mujtahid mustaqil. Kredibiliti dan keilmuan beliau yang tinggi memberikan asas yang kukuh bagi Imam Bukhari untuk memiliki mazhabnya sendiri, walaupun mazhab ini tidak semashyur mazhab-mazhab utama yang lain seperti mazhab Syafie, Hanafi, Hanbali, atau Maliki.

Pada bab hadis ahad pula sama seperti halnya hadis-hadis mutawatir yang dikumpulkan Imam Bukhari dalam sahihnya adalah hadis yang kuat dan sahih baik dari sudut ketersambungan sanadnya mahupun kekuatan lafaz matannya. Oleh kerana Imam Bukhari lebih cenderung pada dunia hadith sepertimana nukilan kebanyakannya Sejarah ilmunya sehingga beliau Berjaya menempati kedudukannya sebagai ahli hadith yang terulung, kaedah-kaedah muhaddith jelas terpantul pada sudut keilmuan fiqh beliau dan ini boleh dilihat terzahir juga pada cara pentakwilan dan penapisan beliau pada hadis ahad untuk ijтиhad yang disimpulkan dalam keadaan yang sangat teliti seperti lazimnya para muhaddith mashyur yang lain.

Berdasarkan pandangan Imam Bukhari, secara asas dapat difahami bahawa beliau memang mengutamakan penggunaan hadis ahad dalam ijтиhadnya. Ini dapat dilihat daripada pengumpulan hadis ahad dalam kitab sahihnya dimana Imam Bukhari ada menyediakan bab yang khusus untuk hadis ahad sahaja.<sup>25</sup> Jikalau beliau tidak mengiktiraf hadis ahad bagamainya mungkin beliau boleh memasukkan hadis ahad tersebut ke dalam sahihnya kerana umum mengetahui berkenaan permasalahan utama hadis ahad itu pada perspektif para muhaddith dilihat bertaraf *tsubut wurud*. Imam Bukhari sendiri telah menyatakan bahawa di dalam kitab hadisnya itu hanya dikumpulkan hadis-hadis yang sahih sahaja.<sup>26</sup> Hal ini selaras dengan kaedah usul fiqh beliau kerana pada unsur ijтиhad Imam Bukhari, beliau lebih mengetengahkan sumber yang datang secara langsung sama ada dari *Al-Quran* ataupun hadis nabawi (*Qatie*) berbanding kaedah fiqh yang lain yang bertaraf *zhan* seperti *Qiyas* dan *Ra'yu*.<sup>27</sup> Prinsip ijтиhad Bukhari dipengaruhi oleh kepakarannya sebagai seorang muhaddis.<sup>28</sup> Oleh itu, penjagaan keautoritian dan keaslian sumber sudah menjadi perkara yang sebatи dan tampak zahir diterapkan juga dalam kaedah beliau dalam merumuskan pandangan fiqhnya.

Isu penggunaan hadis ahad ini turut disentuh oleh Imam Syafie. Berbeza dengan kedudukan Imam Bukhari sebagai muhaddis, Imam Syafie pula terkenal dengan kecekapan dan kealiman beliau khususnya dalam bidang fiqh terutama pada kaedah ijтиhad beliau yang diiktiraf dan dijadikan rujukan oleh kebanyakan fuqaha yang ulung seperti Al-Muzani, Al-Buwaiti, Az-Za'farani, Abu Husein Al-Karabisi, Imam Nawawi dan banyak lagi tokoh fiqh yang mashyur.<sup>29</sup> Lahir di Ghazza, Palestin yang kemudian meneruskan pengembaran ilmunya ke Mekkah, Iraq, Mesir serta Baghdad.<sup>30</sup> Keilmuannya bertambah seiring meningkatnya umur dan kredibiliti serta kefaqihan beliau terserlah sehingga beliau diberikan kepercayaan untuk memberikan fatwa seawal umur mencecah belasan tahun.<sup>31</sup> Selain

<sup>24</sup> Abu Faris, Muhammad Abdul al-Qadir (1989). “Fiqh al-Imam al-Bukhari”. Al-Urdun : Dar al-Furqan, Jilid. 2, 13.

<sup>25</sup> Abdul Hakim Bin Amir 'Abdat (2004). “Benarkah Imam Bukhari Tidak Menjadikan Hadis Ahad Sebagai Hujjah Dalam Aqidah?”, *Majalah As-Sunnah Edisi Khusus*, 20.

<sup>26</sup> Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali Bin Hajar (1963). “Hady Al-Sariy”, tahqiq : Ibrahim Iwad Misr, Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Jilid. 1, 18.

<sup>27</sup> Scott C. Lucas (2006). “The Legal Principles Of Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari and Their Relationship To Classical Salafi Islam”, *Islamic Law and Society*, Vol. 13, No.3, Koninklijke Brill NV, Leiden, 294.

<sup>28</sup> Muhd. Fatoni Hasyim, Liliek Channa, Imam Amrusi Jaelani, Basuki, Aksin Wijaya, Nur Ahid (2020). “The Process of Al-Bukhari's Fiqh Methodology Development in Islamic Law”, *International Journal of Innovation, Creativity and Change*. Vol. 14, Issue 1, 658.

<sup>29</sup> Mohd Yusri Ibrahim (2019). “Mazhab Syafie : Pengaruh dan Perkembangannya di Nusantara”, *International Journal of Humanities, Philosophy and Languange*, Vol. 2, Isu. 8, 53.

<sup>30</sup> M. Shiddiq al-Minsyawl (2007). “100 Tokoh Zuhud”, Jakarta : Senayan Abdi Publishing, 431.

<sup>31</sup> Munawir Chalil (1995). “Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab”, Jakarta : Bulan Bintang, 260.

dari itu Imam Syafie juga dilihat sebagai pelopor utama kepada ilmu usul fiqh iaitu apabila beliau menulis kitab rujukan terawal dalam bidang usul fiqh iaitu Ar-Risalah.

Menurut Imam Syafie, hadis ahad dapat digunakan sebagai sandaran hukum fiqh. Beliau berpendapat hadis ahad dapat dipakai sama seperti halnya Al-Quran dalam perbahasan hukum dan ianya juga masih boleh berperanan sebagai pentaksis bahkan menjadi sandaran bagi hukum permasalahan baru yang tiada ketetapannya dalam Al-Quran atau hadis-hadis yang mutawatir. Hal ini kerana pada pemahaman Imam Syafie, tidak ada hadis yang bertentangan dengan Al-Quran kerana itu hadis tidak dapat ditolak jika tahap kesahihan sesuatu hadis ahad itu sudah dapat dipastikan.<sup>32</sup> Kenyataan ini dikuatkan lagi oleh Ibnu Taimiyyah berkenaan dengan pandangan Imam Syafie pada hadis ahad seperti yang dinukilkan dalam kitabnya *Majmu' Al-Fatawa*, "Para ahli usul fiqh dari pengikut Al-Imam Abu Hanifah, Al-Imam al-Syafi'i dan Al-Imam Ahmad rahimahumullah berpendapat : Jika hadis ahad diterima oleh umat dengan menyakini dan mengamalkannya, maka ia menunjukkan ilmu yang yakin, kecuali menurut sekelompok kecil pengikut ahli ilmu kalam yang mengingkarinya."<sup>33</sup> Kenyataan yang direkodkan Ibnu Taimiyyah tersebut secara jelas menjadi menunjukkan bahawa Imam Syafie mengiktiraf kedudukan hadis ahad sebagai dalil sandaran hukum syariat, begitu juga dengan Imam Ahmad dan pengikut fahaman mazhab Hanafi.

Penggunaan hadis ahad dalam ijтиhad dilihat sebagai keperluan penting untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat ketika ketiadaan nas dari Al-Quran dan hadis yang mutawatir. Oleh itu Imam Syafie menerima hadis ahad sebagai hujah dalam menyandarkan sesuatu hukum. Permasalahan utama hadis ahad adalah berkenaan dengan status periyatanya. Kerana tahap keyakinan ilmu yang ada pada hadis ahad hanyalah sebatas *zhanni tsubut* sahaja bukanlah *qatie tsubut* menurut jumhur ulama.<sup>34</sup> Bertitik tolak dari situlah, wujudnya beberapa pecahan kelompok dari kalangan ulama yang berbeza pendapat dan pandangan berkenaan dengan penggunaan hadis ahad termasuk Imam Syafie dan para pengikut mujtahid yang muktabar lain. Namun begitu, daripada perbezaan tersebut perlu difahami berlaku pada sudut rantaian periyatanya sahaja, bukanlah status hadisnya sebagai hadis yang sah. Hal ini menunjukkan kedua aspek ini merupakan dua perkara yang berbeza dan penting untuk difahami dalam usaha merungkai status hadis ahad sebelum diterapkan sebagai sandaran hukum. Imam Syafie sendiri secara jelas dilihat berhati-hati dalam menjadikan hadis ahad sebagai hujah argumentasi beliau. Imam Syafie hanya menggunakan hadis ahad pada perkara amaliyyah sahaja tidak pada perkara tauhid atau akidah manusia. Sungguhpun begitu, penolakan Imam Syafie pada penggunaan hadis ahad pada perkara akidah bukanlah indikator yang menunjukkan beliau mengeneplikan penggunaanya secara total dalam bab-bab yang lain.<sup>35</sup> Imam Syafie masih menggunakan hadis ahad sebagai sandaran hujah beliau sekiranya hadis itu adalah hadis yang telah terbukti kesahihannya.<sup>36</sup>

Perbezaan ketara antara kaedah pemahaman dan penentuan status hadis yang digunakan oleh Imam Bukhari dan Imam Syafie berpunca daripada jurang kepakaran ilmu yang ada di antara mereka. Dalam menilai kesahihan hadis, Imam Bukhari cenderung memberikan lebih penekanan terhadap kekuatan sanad (rantaian perawi) hadis, manakala Imam Syafie lebih menfokuskan kepada kekuatan matan (intipati) hadis. Perbezaan ini juga jelas terzahir apabila kita melihat kepada kedudukan hadis ahad dalam pandangan kedua-dua imam tersebut. Imam Bukhari mengiktiraf penggunaan hadis ahad sebagai

<sup>32</sup> Agusri Fauzan (2019). "Pengujian Hadits Ahad dengan Al-Quran (Studi Komparatif Syafieyyah dan Hanafiyyah)", *Manhaj : Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat*, Vol. 4, No. 1, 31.

<sup>33</sup> Ibnu Taimiyyah (1980). "Majmu' al Fatawa"; Takhrij: Amir Al Jazzar, Anwar Al Baz, Beirut : Darul Fikr, Jld. 18, 41.

<sup>34</sup> Uda Mohsin (1995). "Sahih Al-Bukhari : Satu Analisis Tentang Hadis-Hadis Yang Terkandung Di Dalamnya", *Jurnal Usuluddin*, Vol. 1, 84.

<sup>35</sup> Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya Bin Sharf (1929). "Sahih Muslim Bi Sharh Al-Nawawi", Qahirah : Matbu'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, Jld. 1, 131.

<sup>36</sup> Amalia Rabiatul Adwiah (2022). *Op Cit*, 259.

sandaran hukum syarie dan perkara akidah.<sup>37</sup> Manakala Imam Syafie hanya menerima hadis ahad tetapi tidak menjadikannya sandaran utama sekiranya terdapat hadis mutawatir (diriwayatkan oleh ramai perawi) yang lebih dipercayai. Imam Syafie juga tidak menggunakan hadis ahad sebagai sandaran hal ehwal akidah. Dan ini jelas menunjukkan perbezaan dalam manhaj ijtihad mereka.

Dalam menentukan status sesuatu hadis, Imam Bukhari memperlihatkan ketelitian dan kehati-hatian yang sangat tinggi. Antara kriteria penting yang beliau gunakan ialah ketersambungan sanad, keadilan dan ketepatan hafalan (*dhabit*) perawi yang terlibat, serta kebebasan hadis daripada kecacatan (*illah*) dan percanggahan *syadz*. Hal ini menunjukkan Imam Bukhari memberikan penekanan yang sangat tinggi terhadap aspek autentik sanad hadis dalam menentukan kualiti dan penerimaan sesuatu hadis. Antara contoh hadis yang mengikut manhaj Imam Bukhari adalah hadis yang diriwayatkan oleh perawi yang telah diakui kethiqahan mereka oleh ulama yang thiqah dan mempunyai *dhabit* yang tinggi dan jalurnya sampai pada jalur para sahabat yang mahsyur, sanadnya berhubung (*muttasil*) para musnidnya sehingga sampai kepada Rasulullah SAW, yakni tidak terputus. Manakala jika yang meriwayatkannya dari sahabat itu lebih dari dua orang atau lebih adalah lebih baik. Namun, kalau diriwayatkan dari seorang sahaja sahabat melalui tariq yang sahih, itu juga sudah memadai bagi Imam Bukhari.<sup>38</sup>

Imam Syafie berpendapat hadis ahad adalah sesuatu sumber yang boleh dijadikan sandaran hukum selagi mana ianya berpaksikan beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh beliau. Antaranya adalah orang yang meriwayatkan hadis perlulah seorang yang terpercaya pada kredibilitinya sebagai seorang agamawan. Tidak boleh seorang yang terkenal dengan peribadi yang buruk serta fasiq. Seterusnya, periyawat hadis mestilah seorang yang dikenal dengan sifat jujur serta mengetahui dengan pasti dan faham terhadap apa yang diriwayatkan. Sama ada dari sudut lafadz hadis sama ada lafadz yang zahir maknawinya dan juga lafadz musytarak. Hadis ahad perlu dipastikan diriwayatkan oleh perawinya bukan dalam rangka riwayat secara maknawi sahaja, tetapi perawi tersebut perlu jelas dan faham terhadap lafadz kalimah dalam hadis dan memastikan setiap lafadz itu asli daripada sumber yang diriwayatkan. Hal ini penting untuk dipelihara kerana jikalau seorang perawi tidak memahami lafadz hadis yang dibawa dan hanya difahami secara maknawi sahaja, dibimbangi akan merubah intipati hadis seperti tertukar perkara yang haram kepada yang halal. Pada pendapat Imam Syafie, jika hadis tersebut telahpun diriwayatkan secara satu persatu lafadznya sesuai susunanya yang asal, maka tidak perlu lagi wujud kekhuitaran berkenaan isu tertukar initipati hadis.<sup>39</sup> Antara syarat lain yang ditekankan oleh Imam Syafi'e adalah pada sudut matan bagi hadis ahad. Hal ini kerana Imam Syafi'e mensyaratkan orang yang meriwayatkan hadis jika secara hafalan perlu dipastikan kekuatan *dhabit*nya. Manakala jikalau ditulis pada kita maka hendaklah dipastikan lafadz-lafaz hadis tersebut ditulis dengan tepat dan tidak ada kesalahan yang besar sehingga membawa makna yang berbeza. Terakhir, perawi tersebut tidak boleh terdiri dari seorang mudallis, hal ini kerana seorang mudallis yang wujud pada rantaian boleh menurunkan tahap kekuatan sesuatu hadis yang yang dibawa.

## **CONTOH PENGGUNAAN HADIS AHAD DALAM IJTIHAD IMAM BUKHARI DAN IMAM SYAFIE**

Imam Syafie secara jelas menunjukkan bahawa beliau mengiktiraf penggunaan hadis ahad di dalam kitabnya Ar-Risalah. Ini dapat dilihat melalui hadis yang beliau riwayatkan berkenaan perubahan arah kiblat dari Baitulmaqdis ke Masjidil Haram pada masyarakat Quba'.

<sup>37</sup> Abdul Hakim Bin Amir 'Abdat (2004), *Op Cit*, 19.

<sup>38</sup> Ibnu Hajar, Ahmad Bin Ali bin Hajar (1963). *Op Cit*, 20.

<sup>39</sup> Solihin, Hafid, Beni Hamzah (Penterjemah), Mukhlis Abu Mughni, M.Iqbal Kadir (Editor)) (2012), "Fikih Imam Syafi'e (Terjemahan Kitab Al-Umm), Al-Umm, Tahqiq & Takhrij : Dr. Rif'at Fauzi Abdul Muthalib, Pembahasan: Ar-Risalah, Thaharah dan Haidh, Pustaka Azzam, Vol. 1, 462-463.

يَنِمَا النَّاسُ بَقَاءً فِي صَلَةِ الصَّبَحِ إِذْ جَاءُهُمْ آتٍ، فَقَالَ : إِنَّ النَّبِيَّ قَدْ أَنْزَلَ عَلَيْهِ اللَّيْلَةَ قُرْآنًا، وَقَدْ أَمْرَ أَنْ يَسْتَقْبِلُ  
الْقُبْلَةَ فَاسْتَقْبَلُوهُمَا، وَكَانَتْ وُجُوهُهُمْ إِلَى الشَّامِ، فَاسْتَدْرَكُوا إِلَى الْكَعْبَةِ

"Saat orang-orang berada di Quba' untuk solat Subuh, tiba-tiba seseorang datang kepada mereka dan berkata, 'Telah diturunkan ayat Al-Quran kepada Nabi SAW pada malam ini, dan beliau diperintahkan menghadap Qiblat, maka menghadaplah ke Qiblat itu.' Saat itu mereka menghadap ke Syam, maka mereka berputar menghadap ke Kaabah."<sup>40</sup>

Hadis ini diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Umar r.a. dan diterima oleh Imam Syafie sebagai sandaran hukum. Isu yang dibangkitkan berkenaan dengan hadis tersebut adalah penyampai hadis yang disebutkan dalam hadis disampaikan dalam bentuk perseorangan dan bukannya dalam bentuk jamaah. Walau bagaimanapun, Imam Syafie membela penerimaan hadis ahad tersebut. Menurut beliau, masyarakat Quba' yang terdiri daripada orang-orang Ansar adalah mereka yang sentiasa bersegera untuk taat. Mereka tidak melakukan tindakan itu (menukar arah kiblat) melainkan kerana ada berita, walaupun mereka tidak melihat Rasulullah dan tidak mendengar ayat tentang perubahan kiblat itu secara langsung dari Rasulullah s.a.w. Imam Syafie menegaskan bahawa masyarakat Quba' melakukan tindakan itu berdasarkan kepercayaan dan keyakinan bahawa berita daripada individu yang jujur (khabar ahad) wajib dipercayai dan diterima sebagai dalil. Mereka tidak perlu memberitahu Rasulullah s.a.w. tentang tindakan mereka kerana mereka yakin bahawa tindakan itu dibenarkan oleh agama. Sekiranya berita daripada seorang individu (khabar ahad) tentang perubahan arah kiblat itu hanya sekadar boleh diambil, tentulah Rasulullah s.a.w. akan bertanya kepada mereka untuk memastikan kepastian berita tersebut.<sup>41</sup>

Contoh kedua adalah pada perihal Imam Syafie yang menggunakan hadis berkenaan dengan surat keluarga 'Amr bin Hazm sebagai hujah untuk menerima hadis ahad. Surat tersebut adalah surat yang ditulis sendiri oleh Rasulullah SAW untuk penduduk Yaman dan dikirimkan kepada 'Amr bin Hazm. Seterusnya, surat itu sampai kepada keluarga 'Amr, lalu orang Yaman menjadikannya sebagai hujah. Imam Syafie mengemukakan contoh lain berkaitan penerimaan hadis ahad. Baginda meriwayatkan bahawa terdapat ucapan Rasulullah SAW yang ditemui dalam simpanan keluarga 'Amr bin Hazm. Ucapan tersebut menetapkan bahawa setiap jari tangan yang dipatahkan wajib dibayar ganti dengan 10 ekor unta.<sup>42</sup> Meskipun ucapan Rasulullah SAW itu sebelumnya ditolak oleh masyarakat kerana mereka belum mengetahui bahawa ia berasal daripada Rasulullah SAW, namun apabila ia ditemui dalam simpanan keluarga 'Amr bin Hazm, mereka terus menerimanya sebagai hujah. Menurut Imam Syafie, tindakan masyarakat menerima ucapan Rasulullah SAW itu walaupun hanya diriwayatkan oleh seorang perawi (hadis ahad) menunjukkan bahawa mereka mengakui kesahihan hadis ahad sebagai sumber hukum yang boleh dipertanggungjawabkan. Hujah-hujah ini membuktikan kedudukan sebenar hadis ahad di sisi umat generasi awal (Salaf al-Ummah) secara umum dan di sisi Imam Syafie secara khusus. Perbahasan ini disokong kuat oleh perkataan Imam Syafie yang menyatakan bahawa sekiranya umat Islam dahulu mahupun sekarang bersepakat atas penerimaan hadis ahad sebagai hujah, beliau juga akan menyatakan hal yang sama. Baginda tidak mengetahui tentang adanya perselisihan di kalangan ulama berkenaan kehujahan hadis ahad.

Pada perihal penggunaan hadis ahad dalam ijtihad, Imam Bukhari menerima sebagai satu sandaran hukum dan ini jelas terzahir pada penulisannya dalam Sahihnya. Pada permasalahan azan, Imam Bukhari dilihat menukilkan beberapa hadis antaranya :

<sup>40</sup> Imam Muhammad Bin Idris Asy-Syafi'e, "Ar-Risalah", Tahqiq & Syarah : Syeikh Ahmad Muhammad Syakir, Jakarta : Pustaka Azzam, 449.

<sup>41</sup> Imam Muhammad Bin Idris Asy-Syafi'e, *Op Cit*, 401-408.

<sup>42</sup> *Ibid*, 458.

### إِذَا حَضَرَ الصَّلَاةَ فَلْيُؤْذِنْ لَكُمْ أَحَدُكُمْ

"Apabila masuk waktu solat, maka salah seorang dari kalian perlu melaungkan azan."

Dalam hadis lain yang dibawakan oleh Al-Bukhari dalam bab azan adalah :

إِنْ بَلَالَ يَنْادِي بِلِيلٍ، فَكُلُوا وَاشْرِبُوا حَتَّى يَنْادِي ابْنُ أُمِّ مَكْتَمٍ

"Sesungguhnya Bilal melaungkan azan pada malam hari, maka makan dan minumlah sehingga Ibnu Maktum pula melaungkan azan"

Antara faedah hukum yang boleh didapati pada hadis yang diisi dalam bab ini seperti yang dikemukakan oleh Abdul Qahir Muhammad adalah sebagai satu pemberitahuan masuknya waktu solat. Rasulullah SAW tampak menjelaskan pada sahabatnya bahawa jenis pemberitahuan tersebut boleh diterima walaupun secara zahirnya ia datang hanya dari seorang individu.<sup>43</sup>

Pada kesempatan lain, Imam Bukhari mendatangkan hadis lain dalam Sahihnya yang menunjukkan kedudukan pandangan beliau pada hadis ahad iaitu hadis berkenaan pengharaman arak yang diriwayatkan oleh salah seorang sahabat nabi yang terkemuka, iaitu Anas.

فَجَاءُهُمْ آتٌ فَقَالَ ، إِنَّ الْخَمْرَ قَدْ حُرِّمَتْ فَقَالَ أَبُو طَلْحَةَ : يَا أَنَّسُ ، قُمْ إِلَى هَذِهِ الْجَرَارِ فَأَكْسِرْهَا

Lalu datang seorang utusan kepada mereka dan berkata : "Sesungguhnya arak itu telah diharamkan." Secara spontan Abu Talhah berkata : "Wahai Anas, bangkit dan pergi pecahkan kendi-kendi arak itu."

Daripada zahir hadis sahaja sudah dapat kita fahami bahawa hanya dengan seorang pembawa peringatan sudah pun memadai untuk diterima perkhabaranya dan pada hadis ini jelas dilihat bahawa Abu Talhah dan Anas menerima khabar tersebut. Secara tidak langsung menunjukkan para sahabat mengiktiraf kehujahan hadis ahad.<sup>44</sup>

Untuk penggunaan hadis ahad pada perbahasan akidah pula Imam Bukhari menerimanya sebagai sandaran yang kukuh. Hal ini dapat dilihat dengan jelas sekali pada bab yang terdapat dalam sahih beliau yang membincangkan berkenaan soal akidah iaitu bab iman dan bab at-Tauhid. Banyak ditemukan di dalam kedua bab ini hadis-hadis ahad yang dikumpul oleh beliau. Penerimaan beliau pada hadis-hadis ahad juga menjadi petunjuk kaedah ijtihad beliau dan ini secara tidak langsung menjelaskan kepada kita bahawa Imam Bukhari mengiktiraf hadis ahad sebagai sandaran walaupun dalam perbahasan ilmu akidah. Antara hadis ahad yang dibawa beliau dalam bab akidah ini adalah hadis berstatus ahad yang dibawa oleh Mu'adz :

إِنَّكُمْ تَقْدِمُونَ عَلَى قَوْمٍ أَهْلَ كِتَابٍ فَلَيَكُنْ أُولُو الْأَعْمَالِ مَنْ تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةَ اللَّهِ إِذَا عَرَفُوكُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرِضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوةً فِي يَوْمِهِمْ وَلَيَنْهَا إِذَا فَعَلُوكُمْ فَإِذَا عَرَفُوكُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرِضَ عَلَيْهِمْ ذَكَارَ مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَتَرَدَ عَلَى فَقَرَاءِهِمْ إِذَا أَطَاعُوكُمْ بِهَا فَخَذُوهُمْ وَتَوَقُّ كِرَائِمَ أَمْوَالِ النَّاسِ

<sup>43</sup> Abd Al-Qahir Muhammad Ahmad Mukhtar Qamar (1995). "Fiqh Al-Imam al-Bukhari fi al-Imarah wa al-Qada' min Jami'ihi al-Sahih", M.A Tesis, Jami'ah Ummul Al-Qura, 45.

<sup>44</sup> Ibid, 46.

"Sesungguhnya engkau akan datang pada kaum ahli kitab, maka hendaklah yang pertama kali kau serukan adalah supaya mereka beribadah kepada Allah. Jika mereka sudah mengenal Allah, maka beritahukanlah kepada mereka bahawa Allah mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Jika mereka sudah melakukan hal itu, maka beritahukanlah bahawa Allah mewajibkan mereka zakat dari harta benda mereka dan zakat itu diberikan pada orang fakir mereka. Jika mereka taat maka ambillah, dan hindarilah harta berharga mereka."

Hadis dinukilkhan Imam Bukhari dalam Sahihnya dan ianya berstatus ahad menurut pandangan jumhur muhaddis. Hal ini jelas dilihat berlawanan dengan apa yang dipraktikkan oleh Imam Syafie dalam penerapan hadis ahad dimana Imam Syafie hanya membataskan penggunaan hadis ahad pada perkara amaliyyah seperti perbahasan fiqh namun tidaklah secara sepenuhnya menngunkannya pada perbincangan akidah, meski terdapat beberapa pandangan yang menyatakan bahawa Imam Syafie juga dilihat mengiktiraf hadis ahad untuk digunakan dalam bidang akidah menurut sesetengah ulama' mutaqaddimin. Ini berdasarkan beberapa nukilan ulama' fiqh terkemuka dalam kitab mereka yang menyatakan demikian antaranya adalah Syeikh Nashiruddin al-Albani, Dr. Muhammad Aw al-'Aqil yang mengarang kitab manhaj akidah Imam Syafie.

## IMPLIKASI SALAHFAHAM HADIS AHAD

Antara Implikasi buruk yang akan menimpa umat Islam apabila tersilap kaedah menerapkan hadis ahad sebagai sandaran hukum adalah mereka terjerumus ke dalam kancang bidaah dengan mudah. Kesalahan ini berakar dari kurangnya penelitian dan pentakhrijan yang betul dan jelas yang dapat menjamin keautentikan status hadis ahad berdasarkan kriteria yang selari dengan intipati tafsir Al-Quran samaada secara zahir lafzinya atau secara pemahaman tafsili yang tersurat dan tersirat, dan selari juga dengan hadis mutawatir. Dalam permasalahan ini, sering kali hadis ahad diletakkan sebagai sumber primer, tanpa mempertimbangkan permasalahan yang jelas terkait dengan kesinambungan sanad dan tingkat keyakinan terhadap keabsahan hadis tersebut yang belum mencapai tingkat ilmu yakin.<sup>45</sup>

Akibatnya, munculnya bidaah yang bertentangan dengan sunnah yang sebenarnya, yang banyak dipertahankan dengan menggunakan dalil hadis ahad ini. Bidaah-bidaah tersebut dapat merosakkan pemahaman yang benar terhadap ajaran Islam dan mengarah pada penyimpangan dari prinsip-prinsip asas yang telah ditetapkan. Tidak adanya penelitian yang memadai dan kurangnya kritikalitas dalam menghadapi hadis ahad yang dipilih sebagai rujukan hukum dapat membuka pintu bagi kesalahan penafsiran dan penggunaan yang tidak tepat dalam menjalankan agama. Oleh karena itu, sangat penting bagi umat Islam untuk melibatkan diri dalam penelitian yang teliti dan kritis terhadap hadis ahad sebelum mengambilnya sebagai dasar hukum. Penelitian ini harus mencakup penelaahan terhadap sanad hadis, kualitas perawi, serta kesesuaian dengan prinsip-prinsip Al-Quran dan hadis mutawatir. Selain itu, pemahaman yang mendalam tentang metodologi dan ilmu hadis juga perlu ditingkatkan agar umat Islam dapat dibezakan antara hadis yang sahih, dhaif dan maudhu serta memahami konteks dan ruang lingkup penggunaannya. Antara kepentingan lain penelitian dan pemahaman yang mendalam serta menyeluruh terhadap hadis ahad sebagai sumber hukum Islam adalah sebagai satu usaha dan upaya para ulama untuk memastikan bahwa ajaran yang dipegang teguh oleh umat Islam didasarkan pada landasan yang kuat dan dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah.

---

<sup>45</sup> Agusri Fauzan (2019). *Op Cit*, 24-25.

## KESIMPULAN

Berdasarkan hasil kajian yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa penggunaan hadis ahad sebagai dalil dalam perbahasan fiqh dan akidah adalah bersifat alternatif. Walaupun majoriti ulama' menolak penggunaannya dalam isu-isu akidah, namun masih terdapat ulama' terkemuka seperti Imam al-Bukhari dan Ibnu Hazm yang menerima hadis ahad sebagai sandaran kukuh dalam kedua-dua bidang tersebut. Pendirian Imam al-Bukhari yang merupakan tokoh muhaddis terkemuka jelas mempengaruhi pemilihannya terhadap hadis ahad sebagai sumber dalil hukum. Bagi jumhur ulama', hadis ahad diterima dalam perbincangan fiqh walaupun ia dianggap kurang dalam segi kesinambungan periwayatan.

Sementara itu, Imam Syafie pula secara umumnya tidak menggunakan hadis ahad dalam akidah tetapi diiktiraf dan dipakai sebagai alternatif hukum dan sandaran yang kuat dalam perbahasan fiqh. Biarpun umum dilihat Imam Syafie tidak terlalu menekankan pada penggunaan hadis ahad pada akidah, namun terdapat juga pandangan ulama' lain yang menunjukkan beliau turut mempertimbangkan hadis ahad dalam isu-isu akidah tertentu. Ini menunjukkan Imam Syafie akan meneliti setiap hadis secara mendalam sebelum menerima atau menolaknya sebagai sandaran akidah. Oleh itu, pemahaman yang betul terhadap status dan penggunaan hadis ahad adalah amat penting agar umat Islam tidak terjebak dalam bidaah atau menyalah tafsir makna yang tersirat dalam hadis tersebut. Hal ini penting untuk mengelakkan kekeliruan dan kesilapan pemahaman dan menjamin ketulenan akidah serta kesahihan pengamalan hukum fiqh.

## RUJUKAN

- Abdul Malek Kumillai Sahib (1998). "Madkhal Ila Ulum al-Hadis", Markazud Dawah Al-Islamia.
- Abdul Hakim Bin Amir 'Abdat (2004). "Benarkah Imam Bukhari Tidak Menjadikan Hadis Ahad Sebagai Hujjah Dalam Aqidah?", *Majalah As-Sunnah Edisi Khusus*.
- Abdul Karim Ali (1997). "A Controversy About The Authority Of Khabar Al-Wahid With Special Reference To Al-Shafi'ie Views", *Jurnal Usuluddin*.
- Abd Al-Muhdi Abdul Al-Qadir (1973). "Daf'u Syubhat 'an Al-Hadith Al-Nabawi", Madinah : al-Maktabah al-'Ilmiyyah,
- Abu Umar 'Usman Ibnu Abdurrahman Ibnu Salah (2003). "Muqaddimah Ibnu Salah fi Ulumil Hadith", Beirut : Dar Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Abu Faris, Muhammad Abdul al-Qadir (1989). "Fiqh al-Imam al-Bukhari". Al-Urdun : Dar al Furqan, Jilid. 2.
- Amalia Rabiatul Adwiah (2022). "Hadith Ahad and It's Argumentation In The Problem Of Faith In The Perspective Of Muhammad Al-Ghazali", *Jurnal Living Hadis, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta*, Vol. VII, No. 2, Bhgian 253-267.
- Amir Udin, Muhammad Fitriyadi, Yuliharti (2023). "Tinjauan Historis Hadis dan Kodifikasinya", *DIRAYAH : Jurnal Ilmu Hadis*, Vol. 3, No. 2.
- Azmi, A.S., Nor, Z.M. and Nasir, M.N., 2011. Kekeliruan Dan Kritikan Terhadap Sahih Bukhari: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Hadith*, 1(2), pp.9-29.
- Azmi, A.S., 2017. Narratives of the Prophet's Early Life in Ṣahīḥ Al-Buḥārī: An Analytical Study of Qur'anic References in Sīra Nabawiyya. *Al-Bayan: Journal of Qur'an and Hadith Studies*, 15(2), pp.193-212.
- Badran Abu al-'Aynayn Badran (1967). "Usul Al-Fiqh Al-Islami", Dar Al-Maarif.
- Budi Suhartawan, Muizzatul Hasanah (2022). "Memahami Hadis Mutawatir dan Hadis Ahad", *DIRAYAH : Jurnal Ilmu Hadis*, Vol. 3 , No. 01, Oktober.
- Halim, A.A., Yabi, S. and Hoque, M., 2019. Penglibatan ahli akademik terhadap pengajaran hadith. *Journal of Hadith Studies*.
- Khatib Al Baghdadi, Abi Bakar Ahmad Bin Ali (2006). "Kitab al-Kifayah fil-Ilm al-Riwayah", tahqiq : Zakaria Amyarat, Beirut : Dar Al-Kitab al-'Ilmiyyah.
- Kasdi Abdurrohman (2019). "Reconstruction of Fiqh Nusantara: Developing the Ijtihad Methodology in Formulating Fiqh from Indonesian Perspective.", *QIJIS: Qudus International Journal of Islamic Studies*, 7 (2).
- Mohd Faizul Azmi, Muhammad Rashidi Wahab (2012). Kedudukan Hadis Ahad Dalam Akidah, *Jurnal Ilmiah Berimpak*, tahun kedua,4, Disember.
- M. Nurul Irfan (2006). "Status Dan Kredibilitas Sahabat Nabi Dalam Periwayatan Hadis", *Al QALAM* : Vol. 3 No. 3.
- Syuhudi Ismail (1996). "Hadis Nabi Yang Tekstual dan Kontekstual", Jakarta : Bulan Bintang.
- Tajun Nasher (2018). "Kehujuhan Hadits Ahad Dalam Hukum Fiqih dan Aqidah", Rumah Fiqih Publishing.
- Umar Faruq Abd Allah (1985). "Malik's Concept of 'Amal in the Light of Maliki Legal Theory", PhD Thesis, University Microfilms.

Nasruddin Yusuf, Faradila Hassan (2020). "Considering The Power Of Ahl Madinah Malik Bin Anas Ijma' as an Islamic Legal Source", *Kawanua International Journal of Multicultural Studies*, Vol. 1, No.1.

Wahbah Al-Zuhaili (1986). "Usul al-Fiqh al-Islami", Damsyik : Dar al-Fikr, Jilid 1.

Wahab, Muhammad Rashidi, & Azmi, Mohd Faizul (2012). "Kedudukan Hadis Ahad Dalam Aqidah". *Jurnal Ilmiah Berimpak. Tahun Kedua, 4*.

Ibn Hajar, Ahmad Bin Ali Bin Hajar (1963). "Hady Al-Sariy", tahqiq : Ibrahim Iwad Misr, Mustafa Al-Babi Al-Halabi, Jilid. 1.

Scott C. Lucas (2006). "The Legals Principals Of Muhammad Bin Ismail Al-Bukhari and Their Relationship To Classical Salafi Islam", *Islamic Law and Society*, Vol. 13, No.3, Koninklijke Brill NV, Leiden.

Muhd. Fatoni Hasyim, Liliek Channa, Imam Amrusi Jaelani, Basuki, Aksin Wijaya, Nur Ahid (2020). "The Process of Al-Bukhari's Fiqh Methodology Development in Islamic Law", *International Journal of Innovation, Creativity and Change. Vol. 14, Issue 1*.

Mohd Yusri Ibrahim (2019). "Mazhab Syafie : Pengaruh dan Perkembanganya di Nusantara", *International Journal of Humanities, Philosophy and Languange*, Vol. 2, Isu. 8.

M. Shiddiq al-Minsyawl (2007). "100 Tokoh Zuhud", Jakarta : Senayan Abdi Publishing.

Munawir Chalil (1995). "Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab", Jakarta : Bulan Bintang.

Agusri Fauzan (2019). "Pengujian Hadits Ahad dengan Al-Quran (Studi Komparatif Syafieyyah dan Hanafiyah)", *Manhaj : Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat*, Vol. 4, No.1.

Ibnu Taimiyyah (1980). "Majmu' al Fatawa"; Takhrij: Amir Al Jazzar, Anwar Al Baz, Beirut : Darul Fikr, Jilid. 18.

Udah Mohsin (1995). "Sahih Al-Bukhari : Satu Analisis Tentang Hadis-Hadis Yang Terkandung Di Dalamnya", *Jurnal Usuluddin*, Vol. 1.

Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya Bin Sharf (1929). "Sahih Muslim Bi Sharh Al-Nawawi", Qahirah : Matbu'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, Jilid. 1.

Solihin, Hafid, Beni Hamzah, Mukhlis Abu Mughni, M.Iqbal Kadir (2012), "Fikih Imam Syafi'e (Terjemahan Kitab Al-Umm), Al-Umm, Tahqiq & Takhrij : Dr. Rif'at Fauzi Abdul Muthalib, Pembahasan: Ar-Risalah, Thaharah dan Haidh, Pustaka Azzam, Vol. 1.

Abd Al-Qahir Muhammad Ahmad Mukhtar Qamar (1995). "Fiqh Al-Imam al-Bukhari fi al Imarah wa al-Qada' min Jami'ihi al-Sahih", M.A Tesis, Jami'ah Ummul Al-Qura.